

04/11/1997

Usaha Dr Mahathir disokong

PEMIMPIN negara membangun Kumpulan 15 (G-15) yang mula bermesyuarat semalam memberi sokongan padu terhadap usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membetulkan keadaan pasaran mata wang yang begitu longgar. Pasaran mata wang hari ini boleh menyebabkan ekonomi sesebuah negara lumpuh, memuflikasikan ramai pedagang tulen dan menyebabkan keadaan tidak stabil jika kesempatan ini digunakan oleh pihak yang berkepentingan politik. Pasaran mata wang hari ini terbukti dikuasai manipulator yang membolehkan pembiaya kewangan seperti George Soros menjadi kaya raya dan negara yang aman makmur bertukar menjadi huru hara. Jika Soros mengakui kerugian AS\$2 bilion (RM7 bilion), kita bayangkan jumlah wangnya di pasaran. Paling penting berapa banyakkah keuntungan yang sudah dikautnya hasil kuasa manipulasinya. Disebabkan Soros adalah nama besar dalam arena pasaran mata wang, segala muslihatnya mampu mempengaruhi sentimen pasaran. Adakalanya, tanpa menggunakan wang pun beliau boleh mencipta wang, hanya dengan menyebarkan khabar angin atau spekulasi dengan niat untuk mempengaruhi pasaran. Kesempatan ini biasanya dilakukan menerusi jualan singkat iaitu membeli atas angin pada harga murah dan menjualnya pada harga tinggi, sedangkan pada hakikatnya perniagaan seperti ini tidak menggunakan modal. Ini jelas menunjukkan pasaran mata wang sebenarnya tidak dipengaruhi oleh kuasa pasaran sebaliknya lebih kepada spekulasi dan manipulasi pasaran. Cara ini harus diperbetulkan.

Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, Presiden Peru, Alberto Fujimori dan Naib Presiden India Krishan Kant yang berucap mewakili benua masing-masing menyuarakan pandangan mereka dengan menjurus kepada ancaman yang begitu menakutkan. Suharto mungkin mempunyai alasan bercakap mengenai masalah pasaran mata wang kerana republik itu sudah pun menerima kesan yang agak teruk. Kita yakin pemimpin lain, bercakap mengenai perkara yang sama bukanlah kerana mahu berkongsi sentimen semata-mata tetapi hakikatnya mereka sedar fenomena yang dialami di Asia Tenggara dan Eropah itu, boleh menular ke negara mereka. Sama ada negara berkenaan diserang sekarang atau tidak, kesannya tetap dirasai.

Andaian kita adalah mudah. Jika Malaysia, Indonesia atau beberapa negara lain di Asia Tenggara terus menghadapi tekanan, negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan negara berkenaan pasti turut menerima kesan buruknya. Ini kerana kesusutan nilai wang akan menyebabkan kuasa beli berkurangan yang seterusnya memaksa kawalan import. Untuk mengawal ekonomi, negara-negara berkenaan tidak digalakkan mengimport barangan tetapi rakyat digalakkan menggunakan barangan keluaran tempatan. Bagi negara yang mengharapkan sumbangan besar daripada Malaysia atau Indonesia atau negara di Asia Tenggara untuk membeli barangan mereka dengan kadar yang besar, sudah pasti ia tidak dapat dilakukan. Bagaimana mahu menjual barangan jika kemampuan yang sanggup membeli kian berkurangan.

Keadaan yang sama juga akan berlaku ke atas negara mereka jika pasaran mata wang negara mereka diganggu-gugat. Lagipun apa yang diharapkan cuma memperbaiki sistem urusniaga pasaran wang hari ini supaya lebih beretika dan adil. Mereka yang ingin berniaga perlulah diketahui kemampuan modalnya.

Kita boleh mengandaikan bahawa negara-negara anggota G-15 mungkin belum menghadapi serangan kerana pencapaian negara berkenaan masih tidak menarik minat untuk mendapat keuntungan yang besar. Namun, apabila ekonomi negara mereka sudah mantap, tidak mustahil negara mereka pula akan menjadi

tumpuan.

Soalnya, apa guna mereka bertungkus-lumus memakmurkan negara masing-masing apabila pada satu peringkat segala-galanya dimusnahkan oleh spekulator profesional ini. Malaysia menjadi 30 peratus lebih miskin daripada hanya beberapa bulan sebelumnya, disebabkan percaturan spekulator kewangan ini.

Daripada senario di negara-negara Asia Tenggara, ekonomi dan kejayaan sosial beberapa negara sudah pun tergugat.

Walaupun G-15 nampaknya bersatu hati untuk menangani masalah ini, kita mahu ia bukanlah sekadar untuk memberi sokongan moral tetapi paling penting komitmen untuk sama-sama menyelesaikan isu ini hingga ke akar umbi. Jika negara membangun dan syarikat perniagaan bersatu teguh untuk memperbaiki kepincangan, kita yakin spekulator akan menghentikan kegiatan mereka.

(END)